



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 2002

KEMUDAHAN CUTI ISTERI BERSALIN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pemberian kemudahan cuti isteri bersalin kepada anggota Perkhidmatan Awam.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan cuti isteri bersalin selama tiga hari sebagai cuti tanpa rekod telah diperuntukkan di bawah perenggan 58.2, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991. Selaras dengan hasrat mengutamakan keluarga (*family first*), Kerajaan telah bersetuju tempoh cuti isteri bersalin dipanjangkan daripada tiga hari kepada tujuh hari.

PELAKSANAAN

3. Kemudahan cuti isteri bersalin hendaklah dilaksanakan seperti berikut:
 - a. kemudahan ini boleh diberi selama tujuh hari sebagai cuti tanpa rekod, kepada anggota Perkhidmatan Awam lelaki untuk membantu urusan ketika isterinya bersalin;
 - b. cuti ini hendaklah bermula pada tarikh isteri anggota bersalin atau pada hari berikutnya jika isterinya bersalin selepas waktu pejabat;
 - c. tempoh cuti ini termasuk semua hari rehat dan hari kelepasan am;
 - d. kemudahan ini dihadkan kepada lima kali sepanjang tempoh perkhidmatan; dan
 - e. kemudahan ini adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan.
4. Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada pegawai perkhidmatan pendidikan yang diarah bertugas semasa cuti penggal persekolahan atau bertugas semasa penggal persekolahan.
5. Anggota yang menggunakan kemudahan ini hendaklah mengemukakan salinan perakuan bersalin isterinya kepada Ketua Jabatan.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2003.

PEMAKAIAN


7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka:
- a. perenggan 58.2 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991;
 - b. surat JPA(S)223/8/3 Klt. 4 (16) bertarikh 5 November 1992; dan
 - c. surat JPA(S)223/8/3 Klt. 4 (35) bertarikh 11 Disember 1993

adalah dibatalkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

9 November 2002

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan